


Headline	LAPORAN PENCAPAIAN 2019		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Jan 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	24,25	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	1701 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 36,061
Frequency	Daily	PR Value	RM 108,184





# LAPORAN PENCAPAIAN 2019

KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
MALAYSIA

www.motac.gov.my






Facebook: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
Instagram: mymotac
Twitter: mymotac

## 1 PRESTASI SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

### PRESTASI PELANCONGAN NEGARA

Malaysia menerima **20.1 juta pelancong antarabangsa** dan merekodkan **RM56.1 bilion pendapatan pelancongan** bagi tempoh Januari sehingga September 2019



### PRESTASI PROGRAM PELANCONGAN PERNIAGAAN

Program Pelancongan Perniagaan Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB) menerima **109,838 delegasi antarabangsa** dan merekodkan **489,732 hari delegasi antarabangsa** dari Januari sehingga Disember 2019. Anggaran impak ekonomi program ini adalah sebanyak **RM1.8 bilion**



### PRESTASI GERAN GALAKAN MELANCONG (GAMELAN)

Sebanyak **300 permohonan** telah diluluskan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak **RM1.8 juta**. Geran sepadan ini merupakan peruntukan one-off untuk meningkatkan usaha promosi dan pemasaran dalam menarik lebih ramai pelancong domestik dan antarabangsa



### PRESTASI PENDAPATAN SEKTOR KEBUDAYAAN



Sektor Kebudayaan mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak **RM585.4 juta** bagi tempoh Januari sehingga Disember 2019. Pendapatan ini merangkumi hasil jualan kraf serta aktiviti kesenian dan kebudayaan seperti bayaran masuk ke premis muzium, kutipan tiket persembahan, hasil sewaan dan pehajaan jabatan/agensi sektor kebudayaan

### PRESTASI PROGRAM PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA (HOMESTAY)

Program Homestay menerima **458,899 pelancong** dan merekodkan pendapatan pelancongan sebanyak **RM29.7 juta** bagi tempoh Januari sehingga Disember 2019. Program ini bertujuan memperkasakan ekonomi luar bandar yang seterusnya merapatkan jurang ekonomi bandar dan luar bandar




### PRESTASI PROGRAM MALAYSIA RUMAH KEDUAKU (MM2H)

Program MM2H merekodkan kutipan Fi Visa sebanyak **RM 14.1 juta** bagi tempoh Januari sehingga Disember 2019



### PRESTASI PENGUATKUASAAN AKTA 482 DAN AKTA 594

Penguatkuasaan Akta 482 dan Akta 594 melibatkan pengusahaan pelancongan, pemandu pelancong, dan kenderaan persiaran telah menyelesaikan **1,809 kes**



### PRESTASI KHALAYAK KE TAPAK WARISAN DUNIA UNESCO, ACARA DAN PREMIS KEBUDAYAAN




Sejumlah **29.3 juta khalayak** direkodkan bagi tempoh Januari sehingga Disember 2019 merangkumi kunjungan ke Tapak Warisan Dunia UNESCO Melaka, Georgetown, Lembah Lenggong, Muhi dan Kinabalu Park. Jumlah ini juga meliputi khalayak ke acara kebudayaan seperti MRTM dan program kebudayaan anjuran JKKN serta kunjungan ke premis kebudayaan seperti muzium, perpustakaan, kompleks kraftangan, Arkib Negara, Balai Seni Negara dan Istana Budaya

## 2 PEMBANGUNAN PRASARANA DEMI MERAPATKAN JURANG ANTARA WILAYAH

### PENINGKATAN KEMUDAHAN PELANCONGAN DI BURLINGTON TAMAN KINABALU RANAU, SABAH

Kemudahan Penginapan di ketinggian 3,272 meter dari aras laut




### PEMBANGUNAN KEMUDAHAN DI PUSAT EKOPELANCONGAN HUTAN PAYA LAUT, MATANG, PERAK

Kemudahan beriadah sambil belajar di rizab hutan paya bakau terbesar di Semenanjung Malaysia




### PEMULIHARAAN DAN NAIKTARAF MUZIUM DIRAJA ISTANA LAMA SERI MENANTI KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN

Pemuliharaan Muzium Istana Diraja Seri Menanti yang dinobatkan sebagai "The Tallest Timber Palace" oleh Malaysia Book of Records




### PEMBINAAN PUSAT BUDAYA WARISAN BUNG BRATAK BAU, SARAWAK

Pusat kebudayaan etnik Bidayah pertama berteraskan ekopelancongan



### EKOPELANCONGAN TITIAN SILARA DI KAMPUS FRIM KEPONG, SELANGOR

Menikmati pemandangan Bandaraya Kuala Lumpur serta flora dan fauna dari ketinggian 50 meter





Headline	LAPORAN PENCAPAIAN 2019		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Jan 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	24,25	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	1701 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 36,061
Frequency	Daily	PR Value	RM 108,184

### 3 MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

PENGIKTIRAFAN

- Malaysia - Destinasi Percutian Mesra Halal No. 1 2019 berdasarkan penarafan Indeks Perjalanan Muslim Global Rating oleh Mastercard-Crescent (GMTI)
- Malaysia - Organisasi Negara Terbaik Tahun 2019 di Anugerah Indonesia Travel and Tourism Awards (ITTA) ke-10 di Jakarta, Indonesia
- Malaysia - Tempat ke-5 daripada 10 tempat terbaik dunia untuk bersara 2019 berdasarkan Indeks Persaraan Global Tahunan 2019 oleh internationaliving.com

- Malaysia - Tempat Pertama dalam kalangan 6 negara bagi Penjagaan Kesihatan Terbaik Dunia 2019 oleh internationaliving.com
- Kuala Lumpur - Tempat ke-9 dalam 100 Destinasi Bandar Raya Terbaik 2019 berdasarkan laporan oleh Syarikat Penyelidikan Pasaran Berpangkalan di UK, Euromonitor International
- Silat disenaraikan di bawah kategori Representative List Of The Intangible Cultural Heritage Of Humanity UNESCO

- Kraf Komuniti Ku. Batu Lunggan, Keningau, Sabah memenangi Anugerah Village Of The Year pada 3rd International Craft Awards (ICA), New Delhi bersempena India Craft Week pada 4 - 8 Disember 2019
- Institut Kraf Negara diiktiraf sebagai Craft Institute/Academy Of The Year pada 3rd International Craft Awards (ICA), New Delhi bersempena India Craft Week pada 4 - 8 Disember 2019

KERJASAMA DENGAN ORGANISASI ANTARABANGSA



#### WORLD TOURISM CONFERENCE (WTC) 2019 DENGAN KERJASAMA WORLD TOURISM ORGANIZATION (UNWTO) 26-28 AUGUST 2019, KUALA LUMPUR

Persidangan yang telah dihadiri 1,471 peserta dari 83 buah negara termasuk Malaysia merupakan platform bagi pemegang taruh dan pemain industri dari seluruh dunia berkonsep pengalaman, mencambahkan idea-idea bernas serta mengemukakan trend, hala tuju dan visi untuk pembangunan pelancongan global



#### LEAD SHEPHERD FOR APEC TOURISM WORKING GROUP 2019-2021 DENGAN KERJASAMA ASIA PACIFIC ECONOMIC COOPERATION (APEC)

Keahlian Malaysia dalam APEC membantu meningkatkan hubungan baik dan kerjasama dengan negara-negara anggota demi meningkatkan sektor pelancongan di rantau Asia Pasifik. Draf Pelan Strategik APEC 2020-2024 yang dihasilkan akan disahkan semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan APEC 2020



#### MESYUARAT ASEAN SOCIO-CULTURAL COMMUNITY COUNCIL (ASCC) KE-22 2 NOVEMBER 2019, BANGKOK, THAILAND

Penglibatan Malaysia dalam mesyuarat ini menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi negara yang mampan melalui pemerkasaan, pemuliharaan dan pemeliharaan industri pelancongan, seni, budaya dan warisan negara

### 4 MALAYSIA DESTINASI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN PILIHAN



#### MAJLIS RUMAH TERBUKA MALAYSIA (MRTM)

MRTM Tahun Baharu Cina di Dataran Centrio, Seremban pada 17 Februari 2019, MRTM Adiflirt di Muzium Diraja, Kuala Lumpur pada 21-22 Jun 2019, MRTM Deepavali di Dataran Bandaraya Ipoh, Perak pada 16 November 2019 dan MRTM Krismas di Dataran Merdeka pada 31 Disember 2019



#### TEATER MUZIKAL PHANTOM OF THE OPERA, 15 JUN - 7 JULAI 2019, ISTANA BUDAYA, KUALA LUMPUR

Teater muzikal blockbuster hasil karya Andrew Lloyd Webber 'The Phantom of the Opera' dijayakan oleh 130 pelakon, kru dan ahli orkestra serta dilengkapi set pemandangan, tata cahaya dan kesan khas mengagumkan



#### PAMERAN DAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MANUSKRIP MELAYU 2019, KUALA LUMPUR

Pameran dan persidangan yang bertemakan 'Aksara, Naskhah dan Tamadun Alam Melayu' merupakan antara komitmen Kerajaan untuk merungkil, memahami dan mengembalikan semula citra Melayu



#### PESTA ANGIN TIMUR 1 - 3 MAC 2019, PERLIS

Program tahunan ini mendekatkan masyarakat di bahagian utara semenanjung dengan kegiatan seni budaya. Pelaksanaan program ini berjaya membantu merajana ekonomi masyarakat tempatan bernilai RM481,089.60



#### PAMERAN LEONARDO DA VINCI: OPERA OMNIA 15 JULAI - 15 OGOS 2019, BALAI SENI NEGARA

Pameran 17 karya reproduksi berteknologi tinggi karya agung Leonardo Da Vinci anjuran Balai Seni Negara dengan kerjasama Kerajaan Itali melalui diplomasi budaya ini berjaya menarik seramai 88,556 pengunjung



#### PERSIDANGAN PERSATUAN MUZIUM NASIONAL ASIA (ANMA) KALI KE-7, 29-31 OKTOBER 2019, HOTEL PREMIERA, KUALA LUMPUR

Persidangan ini bertujuan membincangkan perkembangan terkini muzium nasional di seluruh Asia selain menjadi landasan kerjasama dan perbincangan temuan baharu di negara anggota



#### PAMERAN INTERNATIONALE TOURISMUS-BÖRSE BERLIN (ITB), 4 - 10 MAC 2019, BERLIN, JERMAN

Penyertaan Malaysia sebagai Partner Country di ITB Berlin 2019 berjaya memberi jaminan kepada pihak industri pelancongan tempatan di Jerman dan Eropah tentang hasrat kerajaan ke arah meningkatkan jumlah ketibaan pelancong dari pasaran rantau tersebut



#### FESTIVAL BALIK PULAU 2019 19 - 21 JULAI 2019, KOMPLEKS SUKAN BALIK PULAU, PULAU PINANG

Festival Balik Pulau (BPF) menampilkan 14 pengisian utama antaranya Festival Kesenian Balik Pulau, lukisan mural, demonstrasi kraf dan program semarak warisan memfokuskan penyertaan golongan muda



#### FESTIVAL KRAF JOHOR 2019 20 - 31 DISEMBER 2019, JOHOR BHARU, JOHOR

Berkonsepkan 'Kraf Cenderamata Untuk Semua', festival ini disertai seramai 300 usahawan dari seluruh Malaysia dengan pelbagai pengisian dan aktiviti menarik



#### SIDANG KEMUNCAK DUNIA MENGENAI SENI DAN BUDAYA KALI KE-8, 11-14 MAC 2019, KUALA LUMPUR

Lebih daripada 60 buah negara menyertai persidangan yang julung kali diadakan di Malaysia oleh International Federation of Arts Councils and Culture Agencies (IFACCA). Seramai 78 pembentang/moderator termasuk 9 orang dari Malaysia terlibat dalam persidangan ini



#### PELANCARAN LOGO MELAWATI MALAYSIA 2020 22 JULAI 2019, KLIA, SEPANG, SELANGOR

Pelancaran logo yang menampilkan ikon Malaysia seperti burung kenyalang, bunga raya, paku pakis liar dan warna bendera Malaysia sebagai usaha pemasaran dan promosi kempen



#### AMBANG 2020 @KUALA LUMPUR 31 DISEMBER 2019, DATARAN MERDEKA, KUALA LUMPUR

Ambang 2020 @Kuala Lumpur merupakan program kerjasama 3 buah Kementerian iaitu MOTAC, KKMM dan KWP dengan pengisian MRTM Krismas 2019, Sambutan Ambang Tahun Baharu 2020, Majlis Pelancaran Melawat Malaysia 2020 dan Larian Tahun Baharu 2020




#### PELANCARAN TABUNG INFRASTRUKTUR PELANCONGAN 21 JUN 2019, KUCHING, SARAWAK

Tabung Infrastruktur Pelancongan (TIP) dilancarkan pada 21 Jun 2019 di Kuching, Sarawak oleh YB Menteri MOTAC dan YB Menteri Kewangan bertujuan memberi pembiayaan kepada usahawan industri pelancongan untuk menerokai/mengembangkan produk pelancongan



#### FESTIVAL SIYANGI LAHAD DATU 2019 2 - 4 OGOS 2019, KOMPLEKS SUKAN, LAHAD DATU, SABAH

Festival Siyangi Lahad Datu 2019 dianjurkan bagi menyemarakkan aktiviti seni budaya masyarakat Sabah khususnya di Lahad Datu. Ia juga bertujuan meningkatkan kefahaman dan apresiasi seni kepada masyarakat ke arah pembentukan sebuah bangsa yang harmoni



"Ke arah sasaran kunjungan 30 juta pelancong asing dan pendapatan RM100 billion sempena Melawat Malaysia 2020"